

28 AUG 2001

Indonesia-Asean

DASAR LUAR INDON BERI KEUTAMAAN KEPADA ASEAN, KATA MENTERI LUAR

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Indonesia akan terus memberikan keutamaan kepada Asean dalam dasar luarnya seperti yang ditekankan oleh Presiden Megawati Soekarnoputri sepanjang lawatan lapan harinya ke sembilan negara Asean yang berakhir hari ini.

Ketika diminta oleh pemberita untuk menilai hasil lawatan pengenalan Megawati ke negara-negara anggota Asean selepas dilantik presiden kelima Indonesia pada 23 Julai, Menteri Luar Indonesia Dr Hassan Wirajuda berkata: "Kami menekankan sekali lagi akan pentingnya Asean dalam dasar luar kami"

Sudah menjadi amalan bagi ketua-ketua negara atau kerajaan Asean yang baru dilantik untuk melawat negara-negara anggota kumpulan itu bagi berkenalan dengan rakan sejawatan mereka.

Asean dianggotai Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

"Secara keseluruhannya, ia amat singkat daripada segi masa tetapi presiden dapat bertemu dengan pemimpin-pemimpin lain dan memahami antara satu sama lain," kata Dr Hassan, muka baru dalam Kabinet Indonesia.

Mengenai hubungan Indonesia-Malaysia, beliau berkata bahawa secara tradisinya kedua-dua negara telah mempunyai hubungan persaudaraan dan hubungan dua hala yang mesra dan mereka perlu terus bekerjasama untuk meningkatkan lagi hubungan itu.

Beliau berkata perkara itu terbukti dengan beberapa perjanjian dua hala yang dicapai semasa perbincangan antara Megawati dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Satu daripada perjanjian itu ialah bagi kedua-dua pemimpin untuk mengadakan perjumpaan secara tetap dan bagi menteri-menteri dan pegawai-pegawai kanan kedua-dua negara meningkatkan lagi hubungan.

Megawati, yang bertemu masyarakat Indonesia di kedutaan republik itu di sini sebelum mengakhiri lawatan dua harinya, mengambil kesempatan itu untuk memperkenalkan Dr Hassan kepada kira-kira 300 tetamu yang hadir.

Katanya beliau membawa bersama Dr Hassan supaya menteri itu dapat membuat penilaian ke atas kedutaan Indonesia di negara-negara Asean dan menaik taraf kedudukan beberapa kedutaan jika perlu bagi disesuaikan dengan kepentingannya yang semakin meningkat di negara-negara Asean seperti Malaysia.

-- BERNAMA

AZZ AZZ RYN RHM